



**KENYATAAN MEDIA  
BERKENAAN**

**PELAKSANAAN KAEDAH PENILAIAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN  
BAGI MENGGANTIKAN PEPERIKSAAN BERTULIS UJIAN PENILAIAN KAFA  
(UPKK) TAHUN 2021**

**Bil.37/2021**

1. Pada 23 September 2021 yang lalu, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengumumkan bahawa:

- 1) Pengoperasian KAFA di seluruh negara bagi murid Tahun 1 hingga 6 **diteruskan secara PdPR sehingga Takwim Persekolahan Tahun 2021** berakhir.
- 2) Peperiksaan UPKK bagi calon tahun 2020 dan 2021 untuk subjek bertulis yang dijadualkan serentak pada **15 hingga 18 November 2021** akan **digantikan dengan pelaksanaan berbentuk penilaian sepenuhnya.**

2. Lanjutan itu, sukacita diumumkan bahawa **Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Tahun 2021 bagi menggantikan subjek bertulis** akan dilaksanakan serentak di seluruh negara pada **15 hingga 30 November 2021** berdasarkan **Modul Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (MPKAFA).**

3. **MPKAFA** ini terdiri dari dua bahagian seperti berikut;

**Bahagian A :** Kaedah penilaian secara lisan kepada calon berdaftar berdasarkan silibus Kurikulum KAFA JAKIM bermula dari tahun 3 hingga tahun 5. Markah yang diperuntukan ialah 75 peratus.

**Bahagian B :** Penilaian di bahagian ini merangkumi penilaian terhadap nilai, sahsiah, kehadiran PdPR, hasil kerja dan komitmen calon. Markah yang diperuntukan ialah 25 peratus.

4. Dalam tempoh penilaian, PdPR bagi murid tahun 5 dan tahun 6 hanya dikhususkan untuk pelaksanaan MPKAFA sahaja. Aktiviti penilaian bersepadu ini melibatkan semua guru KAFA di setiap premis KAFA dan ia boleh dilaksanakan sama ada secara Dalam Talian (online), Luar Talian (offline) dan juga off-site.
5. Dokumen MPKAFA boleh dimuat turun oleh penilai yang akan dilantik melalui portal Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) JAKIM pada **8 hingga 10 November 2021**.
6. Sesi libat urus bersama agensi pelaksana KAFA di setiap negeri berkaitan pelaksanaan MPKAFA akan dilaksanakan pada tarikh yang ditetapkan.
7. JAKIM ingin menegaskan bahawa, perubahan ini tidak akan menjejaskan persediaan dan tahap penguasaan murid-murid kepada subjek yang dipelajari.
8. Memahami keresahan ibu bapa, murid-murid, agensi pelaksana KAFA dan pihak-pihak berkaitan berikutan beberapa perubahan dalam perkara ini, JAKIM akan menggunakan pelbagai saluran informasi bagi memastikan maklumat yang jelas dapat disampaikan dengan sebaiknya.
9. Dengan keputusan ini, Agensi Pelaksana KAFA di setiap negeri, pentadbir di setiap premis dan guru KAFA dimohon memastikan pelaksanaan MPKAFA ini berjalan dengan lancar.
10. Sehubungan itu, dimohon jasa baik rakan-rakan media untuk membuat hebahan berkaitan program ini.

Sekian

**DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH**

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

15 Oktober 2021